

Ibu dugong muncul di Kampung Sim-Sim

➔ 2 mamalia dipantau sementara tunggu pasukan penyelidik UMS

BH 14.8.2017 11

Oleh Poliana Ronnie Sidom
poliana@bh.com.my

► Sandakan

Seekor lagi dugong dipercayai ibu haiwan terbabit, dikesan di perairan Kampung Sim-Sim di sini, menjadikan dua mamalia itu ditemui di perkampungan atas air itu sejak dua minggu lalu.


Pegarah Jabatan Hidupan Liar Sabah, Augustine Tuuga, berkata pegawai hidupan liar daerah ini memantau perkembangan dua

mamalia terbabit, sementara menunggu pasukan penyelidik Universiti Malaysia Sabah (UMS) membuat kajian.

Katanya, pihaknya tidak mempunyai pakar dan memerlukan bantuan UMS, sebelum tindakan selanjutnya boleh diambil.

Dibiarkan dalam air

“Jika didapati dua dugong itu sihat, kita tidak akan berbuat apa-apa, sebaliknya membiarkan ia berada di air. Cuma kita bimbang ada pihak cuba mengganggu mamalia itu atau dilanggar bot yang melalui



Seekor lagi dugong ditemui di perairan Kampung Sim-Sim, Sandakan.

perairan berkenaan,” katanya di sini, semalam.

Augustine berkata, pihaknya juga sudah meminta kerjasama orang awam di kawasan berkenaan agar tidak mengganggu haiwan itu yang dilindungi mengikut Enakmen Pemeliharaan Hidupan Liar 1997.

Beberapa hari lalu, penduduk Kampung Sim-Sim gempar apabila melihat seekor dugong di perairan berhampiran perkampungan atas air berkenaan sebelum penemuan itu dilaporkan kepada Jabatan Hidupan Liar.

Pegawai Jabatan Hidupan Liar Sandakan, Hussien Muin, berkata pihaknya memantau kawasan itu bersama Unit Penyelamat Hidupan Liar (WRU) sebaik menerima laporan.

Bimbang kena ganggu

Difahamkan, ini kali pertama dugong dilihat di perairan Sim-Sim, namun penduduk mendakwa mamalia laut itu pernah kelihatan di perairan Sandakan dan Libaran sekitar 1990-an.

Sementara itu, penduduk yang cuma mahu dikenali sebagai Chu,

59, berkata mereka berharap haiwan berkenaan diselamatkan kerana bimbang ia diganggu pihak tidak bertanggungjawab.

Katanya, orang ramai sering berkumpul di perkampungan atas air itu untuk melihat dugong yang dikesan sejak dua minggu lalu.

“Dugong biasanya muncul waktu air pasang tetapi bukan setiap hari. Ramai yang datang mahu melihat dugong sebab ini kali pertama ia muncul dan kami risau jika ada orang tidak bertanggungjawab mahu tangkap haiwan itu,” katanya.